



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 19 Tahun 2022

KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA BAGI MELANJUTKAN PENGAJIAN KEPADA KUMPULAN PENOLONG PENSYARAH UiTM: PERINGKAT IJAZAH SARJANA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa yang diberikan kepada staf di Kumpulan Penolong Pensyarah dan Penolong Pensyarah yang telah memilih opsyen tukar lantik (Gred 29 hingga Gred 40) di Universiti Teknologi MARA bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 67/2022 pada 13 Mei 2022 telah bersetuju dengan cadangan pemberian Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa bagi peringkat Sarjana kepada Penolong Pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) Bil. 50/2022 pada 21 April 2022 telah bersetuju meluluskan cadangan pelaksanaan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa kepada Penolong Pensyarah bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana.

2.3 Jawatankuasa yang diberi kuasa untuk membuat keputusan kepada permohonan kemudahan cuti belajar khas ini adalah Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM). Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar bertindak sebagai urus setia.

3.0 SYARAT PERMOHONAN

3.1 Syarat-syarat permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

4.0 TATACARA PERMOHONAN

4.1 Permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada:

Ketua
Bahagian Kemajuan Kerjaya
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

4.2 Permohonan adalah menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar UiTM (<https://pendaftar.uitm.edu.my/muat-turun/borang>).

4.3 Permohonan adalah terbuka sepanjang tahun.

5.0 PEMAKAIAN

5.1 Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana ini dibuka kepada Kumpulan Penolong Pensyarah dan turut dipanjangkan kepada staf yang dahulunya dari skim Kumpulan Penolong Pensyarah dan kemudiannya telah memilih opsyen tukar lantik (Gred 29 hingga Gred 40).

6.0 TARIKH DIKELUARKAN

6.1 Pekeliling dikeluarkan pada 1 Julai 2022.

7.0 TARIKH KUATKUASA

7.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2022.



HAJI MUHAMAD NIZAM NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Penolong Naib Canselor
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor Kampus Negeri
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil.19/2022)

**SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA BAGI
MELANJUTKAN PENGAJIAN BAGI PENOLONG PENSYARAH UiTM: PERINGKAT SARJANA**

1. Berjawatan tetap dan telah disahkan ke dalam perkhidmatan.
2. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di UiTM.
3. Umur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh diluluskan cuti belajar dan dapat memenuhi tempoh ikatan kontrak sebelum bersara.
4. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% bagi setiap tahun untuk tiga tahun terkini dan berturut-turut.
5. Bebas daripada tempoh tindakan tatatertib.
6. Telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.
7. Permohonan adalah bagi pengajian peringkat Sarjana sahaja.
8. Telah memulakan pengajian secara separuh masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan telah lulus pembentangan cadangan penyelidikan (DRP).
9. Tempoh maksimum cuti belajar adalah tidak melebihi 24 bulan tanpa pelanjutan tempoh pengajian.
10. Mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan (ditetapkan oleh Universiti) atau yang setaraf dengannya dan memenuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan mengikut program yang dipohon.
11. Bidang pengajian memenuhi keperluan Universiti dan mendapat kelulusan JKI-PKSM.
12. Tempat pengajian adalah di UiTM sahaja.
13. Mengisi Borang Permohonan dan hendaklah disokong oleh Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian / Dekan Fakulti / Rektor Kampus / Ketua PTJ.
14. Tidak pernah mendapat biasiswa UiTM atau kelulusan cuti belajar dalam peringkat yang sama.
15. Belum memiliki kelayakan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan.
16. Memajukan satu salinan surat tawaran pengajian sepenuh masa.
17. Memajukan Research Proposal dan/atau Gantt Chart yang merangka perkara-perkara yang dilaksanakan dalam tempoh yang dipohon.
18. Mengemukakan laporan pengajian daripada Penyelia mengenai tahap pengajian terkini (jika sedang mengikuti pengajian).
19. Memajukan Borang Pengesahan Pembentangan Rancangan Penyelidikan (bagi pengajian Sarjana secara penyelidikan).
20. Melengkapkan Borang Pelepasan Untuk Melanjutkan Pengajian.
21. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ).
22. Melengkapkan Borang Perjanjian yang telah dimatikan setem dan Borang Penjamin.
23. Kos pengajian adalah atas pembiayaan sendiri.